

Pakej 'kombo', beli rumah dapat tuan rumah kini menjadi viral di internet sehingga mendapat banyak reaksi dan kritikan masyarakat.

Ini bukan gimik, tetapi ia dimuat naik seorang wanita berusia 40 tahun di Indonesia yang bersedia menjadi isteri kepada pembeli rumahnya termasuk daripada warga Malaysia.

Hanya dikenali dengan nama Wina, beliau adalah pemilik salun di Jawa Tengah, Indonesia yang mempromosi dirinya dengan membuat iklan begitu dengan frasa 'Penawaran Langka Abad Ini'.

Beliau dengan yakin mengajak pembeli kediamannya bakal menjadi suaminya.

Dengan berterus terang, Wina memberitahu beliau menawarkan pakej itu supaya boleh mendapat suami dalam masa terdekat dan meneruskan kehidupan bersama anaknya.

Sebelum ini, Wina pernah dua kali putus cinta, membuatkan beliau reda menerima sesiapa saja lelaki asalkan baik.

Tiada niat cari glamor

Bagaimanapun, beberapa pemerhati melihat tindakan itu sebagai 'umpan' Wina untuk mencari glamor. Wina menafikan cemuhan itu kerana tidak sama sekali menyangka iklan di internet itu menjadi viral di media sosial.

Janda itu menafikan beliau cuba menimbulkan sensasi dan secara jujur hanya berniat mencari jodoh baharu.

Mengaku kesempitan wang memaksa beliau menjual banglo pusaka arwah ibunya di Randu Gunting, Taman Martani, Kalasan, Sleman, dengan harga RM282,601.

Sehingga kini, sudah ramai pembeli menawarkan diri membeli rumah itu. Ada yang bujang dan ada yang sudah mempunyai isteri.

Kata wanita ini, lelaki itu perlu mempunyai sifat bertanggungjawab dan ikhlas kerana bakal menjadi suaminya.

Terdesak cari calon suami

» Viral Youtube pakej 'kombo' luahan emosi Wina untuk dapatkan jodoh, raih perhatian ramai



Bukan sakit jiwa, cuma mahu raih perhatian

Kaunselor Berdaftar dan Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Fatimah Abdul

Ghani, berkata secara psikologi, wanita Indonesia itu bukan sakit jiwa tetapi melakukan perkara itu disebabkan sistem nilai atau kepercayaan diri yang terdesak.

"Setiap manusia hidup berteraskan rasional emotif - behaviour therapy. Nilai kepercayaan diri atau sistem nilai itu adalah teras dalam kehidupan. Contohnya, jika kita anggap perkara itu tidak salah dan jika orang lain menganggapnya salah, maka ia tidak salah. Ini kerana kepercayaan

diri atau nilai yang diletakkan dalam diri bergantung kepada apa yang kita percaya," katanya.

Beliau berkata, pemikiran tidak rasional itu suatu pandangan atau situasi atau yang mempengaruhi emosi seseorang yang seterusnya memberi kesan kepada tingkah laku atau tindakan yang diambil.

Justeru, katanya, dalam situasi beli rumah dapat tuan rumah ini, kemungkinan desakan hidup dan keperluan untuk kebergantu-

ngan hidup serta mahu memiliki teman hidup menyebabkan wanita ini percaya tindakannya adalah rasional.

"Bagaimanapun, ada sesetengah masyarakat menganggap ia tindakan tidak masuk akal," katanya.

Budaya 'segera'

Siti Fatimah berkata, beliau menganggap situasi ini sebagai budaya 'segera' yang menjadikan media sosial sebagai kaedah pantas untuk mendapatkan reaksi sehingga menjadi viral.

"Individu yang menjadikan media sosial sebagai ruang mendapatkan perhatian secara pantas ini kemungkinan mempunyai isu seperti kurang kasih sayang atau perhatian dalam hidupnya.

"Justeru, media sosial adalah satu-satunya medium untuk mereka mendapatkan perhatian dan memenuhi ruang kosong dalam kehidupannya. Bagaimanapun, jika disalah guna ia akan memberi kesan negatif dan emosi dalam diri," katanya.

“Media sosial adalah satu-satunya medium untuk mereka mendapatkan perhatian dan memenuhi ruang kosong dalam kehidupannya”

Siti Fatimah Abdul Ghani,
Kaunselor berdaftar/Perunding psikologi kanak-kanak, remaja dan dewasa, UPM

